

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

Dalam bab yang terdahulu, penyelidik telah membincangkan analisis kontrastif, analisis kesilapan dan kajian-kajian yang berkaitan dengannya. Perbincangan seterusnya akan ditumpukan kepada kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian ini iaitu bermula daripada pemilihan model, pengumpulan data, pemilihan subjek dan alatan kajian sehingga cara-cara data diproses dan dianalisis serta rumusan dan keputusan diperolehi. Dalam penyelidikan ini, analisis kontrastif yang digunakan akan dilengkapi dengan analisis kesilapan untuk mengesahkan ramalan-ramalan tentang masalah-masalah pembelajaran penjodoh bilangan bahasa Cina yang mungkin dihadapi oleh pelajar serta kesilapan yang mungkin dilakukan oleh pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa asing.

3.1 Model Struktural

Menurut Carl James (1980:35), dua orang ahli linguistik dapat menghasilkan analisis yang berlainan daripada data bahasa yang sama. Ini adalah kerana setiap ahli linguistik menggunakan model bahasa yang berlainan. Terdapat banyak model tatabahasa yang digunakan dalam analisis kontrastif, contohnya Model Struktural (*Structural Model*) yang dikembangkan oleh Bloomfield (1933); Model Tatabahasa Transformasi-Generatif (*Transformational -Generative Grammar*) yang diuraikan

oleh Chomsky (1957 dan 1965); Model Tatabahasa Kontrastif Generatif (*Contrastive Generative Grammar*) yang diuraikan oleh Krzeszowski (1974 dan 1976); dan Model Tatabahasa Kes (*Case Grammar*) yang dikembangkan oleh Fillmore (1968).

Menurut Carl James, teknik analisis yang dikembangkan oleh ahli linguistik struktural dikenali sebagai *Immediate Constituent* (IC). Teknik ini menyatakan bahawa kontruksi tatabahasa yang sederhana (yang bukan hanya terdiri daripada satu elemen) boleh dipecahkan kepada konstituen-konstituen. Dengan perkataan yang lain, satu kontruksi yang terdiri daripada ABC, boleh dianalisis sebagai AB + C atau A + BC.

"The analytic technique developed by the structuralists is known as Immediate Constituent (IC) analysis. The claim is that any grammatical construction which is not 'simple' (which does not consist of only one element) can be reduced to pairs of constituents : so a construction like disgraceful is analysed into disgrace + ful, while the seemingly identical ungraceful is reduces to un + graceful. In other words, given a construction made up of the parts ABC, it will be analysable as either AB + C or A + BC." (Carl James, 1980:36)

Pemerhatian yang dibuat berdasarkan hubungan kedudukan dalam sesuatu struktur merujuk kepada struktur permukaan; manakala pemerhatian yang berkenaan dengan hubungan fungsi antara konstituen merujuk kepada struktur dalaman. Model struktural membataskan pemerhatian kepada struktur permukaan sahaja.

"Observations made on the basis of relative position in the structure refer to the surface structure; observations concerning the functional relations between constituents refer to the deep structure. Structural models confine themselves to observations about surface structure."

(Carl James, 1980:39)

Carl James juga menyatakan bahawa apabila dua bahasa dibandingkan dengan menggunakan struktur permukaan, didapati bahawa bahasa pertama menyampaikan makna dengan sesuatu kaedah manakala bahasa kedua menyampaikan makna yang sama dengan kaedah yang lain. Menurut beliau:

"We are likely to discover that L1 carries a certain meaning by one device, while L2 conveys the same meaning by another device."

(Carl James, 1980:40)

Rudoff Flipovic menyatakan bahawa salah satu prinsip asas dalam metodologi analisis kontrastif ialah kedua-dua sistem bahasa yang dipilih untuk dibandingkan mesti diterangkan dengan baik terutamanya jika kedua-dua bahasa itu adalah berbeza dari segi genetik dan tipologi. Menurutnya,

"One of the basic principles of CA methodology says that both systems have to be described equally well, especially if the two languages confronted are genetically and typologically different."

(Rudoff Flipovic, 1984:107)

Kedua-dua bahasa Cina dan bahasa Melayu jauh berbeza dari segi tipologi bahasa. Bahasa Melayu tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia manakala bahasa Cina tergolong dalam rumpun bahasa Sino-Tibetan. Dalam kajian ini, penyelidik cuba membandingkan penjodoh bilangan dalam kedua-dua bahasa itu berdasarkan model struktural.

3.1.1 Rasional Memilih Model Struktural

Penyelidik memilih dan menerapkan model struktural dalam kajian ini kerana kajian ini bertujuan menghuraikan dan membandingkan jenis dan penggunaan penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina. Di samping itu, persamaan

dan perbezaan antara penjodoh bilangan kedua-dua bahasa ini akan diteliti. Seterusnya kajian ini juga cuba meramal kesukaran yang mungkin dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu khususnya dalam mempelajari penjodoh bilangan bahasa Cina.

Selain itu, penyelidik juga mengendalikan satu analisis kesilapan untuk melihat sejauh mana kesilapan yang dilakukan oleh pelajar berpunca daripada bahasa ibunda ataupun disebabkan oleh faktor-faktor lain.

Lado memberikan garis panduan umum dalam prosedur membandingkan struktur tatabahasa seperti berikut:

"We begin with an analysis of the foreign language and compare its structure by structure with the native language. For each structure we need to know if there is a structure in the native language (1) signaled the same way, that is, by the same formal device, (2) having the same meaning, and (3) similarly distributed in the system of that language".

(Lado, 1957:66)

Setiap struktur yang dibandingkan adalah dalam bentuk pasangan. Ini bermakna tiap-tiap struktur bahasa kedua perlu dianalisis untuk menentukan sama ada bentuk, maksud dan distribusi yang terdapat dalam bahasa kedua ini terdapat juga dalam struktur yang berkenaan dalam bahasa pertama. Daripada hasil analisis ini, kita dapat meramal dan mengenalpasti persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam bahasa pertama dan bahasa kedua.

S. N. Sridhar menyatakan bahawa syarat yang diperlukan terlebih dahulu dalam sesuatu kajian kontrastif adalah penghuraian yang tepat dan eksplisit bagi

bahasa yang diperbandingkan. Penguraian tersebut perlu sesuai dan sejajar dengan teorinya. Menurut beliau:

"The prerequisite for any contrastive study is the availability of accurate and explicit description of the languages under comparison. It's also essential that the description be theoretically compatible."

(S.N. Sridhar, 1981:214)

Harris dalam artikelnya yang berjudul *Language Transfer* (1954) mengatakan bahawa:

"The method outlined here enables us to measure the difference in grammatical structure and to establish what is the maximum difference (or the maximum similarity) between any two language systems."

(dalam James, 1980:36)

Menurut Harris, model struktural membolehkan kita mengukur perbezaan dalam struktur tatabahasa dan mengenal pasti perbezaan atau persamaan maksimum antara dua sistem bahasa.

Berdasarkan apa yang dinyatakan oleh Lado, S. N. Sridhar dan Harris, dapat dikatakan bahawa model struktural sesuai digunakan dalam kajian ini. Ini adalah kerana model ini bukan sahaja membolehkan kita membuat perbandingan antara penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina, bahkan juga membolehkan kita meramal dan mengenal pasti persamaan serta perbezaan dalam penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina.

3.2 Gabungan Pendekatan Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan

Dalam artikel Stockwell yang berjudul *Contrastive Analysis and Lapsed Time*, beliau menyatakan analisis kontrastif boleh dijalankan dengan dua cara:

- i) Mengumpulkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dan seterusnya cuba menerangkan konflik yang terdapat antara dua bahasa yang menyebabkan berlakunya kesilapan-kesilapan tersebut.
- ii) Menjalankan perbandingan yang sistematik untuk meneliti perbezaan-perbezaan struktur antara dua sistem bahasa dengan tujuan mengetahui punca-punca berlakunya gangguan bahasa serta meramalkan kesilapan-kesilapan yang mungkin terjadi daripada perbezaan-perbezaan yang diperoleh.

Menurut Stockwell:

“...contrastive analysis – can obviously be approached in either of two ways: by collecting lists of errors students have made, and then trying to describe the conflicts between the systems that give rise to such errors (not all the errors can be traced to this source, of course), or by setting up a systematic comparison which scans the differences in structure in search of sources of interference, and predicting that such-and-such errors will occur from such-and-such conflicts.”
(Stockwell, 1968: 18-19)

Penyelidikan ini telah dijalankan dengan menggabungkan kedua-dua pendekatan analisis kontrastif dan analisis kesilapan. Dalam analisis kontrastif, penjodoh bilangan bahasa Melayu dan bahasa Cina akan diteliti.

Satu analisis kesilapan yang merangkumi soal selidik dan ujian objektif beraneka pilihan juga dikendalikan oleh penyelidik untuk mendapat maklumat

3.4.2 Ujian

Ujian yang disediakan bertujuan mengenal pasti kesilapan-kesilapan sebenar yang dilakukan oleh para pelajar. Ujian yang diberi kepada para pelajar terdiri daripada 25 soalan beraneka pilihan. Soalan-soalan ujian menguji para pelajar dalam aspek makna dan penggunaan penjodoh bilangan bahasa Cina serta urutan penjodoh bilangan bahasa Cina dalam sesuatu ayat.

3.4.3 Buku Teks

Terdapat tiga buah buku teks yang digunakan dalam kursus bahasa Cina di UiTM , iaitu buku bahasa Cina untuk tahap pertama, tahap kedua dan tahap ketiga. Terdapat 12 bab dalam buku tahap Pertama dan 10 bab dalam buku tahap kedua dan tahap ketiga. Ujian yang disediakan adalah berdasarkan penjodoh bilangan yang pernah dipelajari oleh pelajar dalam buku teks.

3.4.4 Soal Selidik

Dalam kajian ini, soal selidik digunakan untuk memperolehi maklumat latar belakang subjek, minat subjek dalam mempelajari bahasa Cina, minat dalam mempelajari penjodoh bilangan bahasa Cina dan sebagainya.

3.5 Penganalisisan Data

- Jawapan daripada ujian pelajar akan dianalisis. Penyelidik akan menggunakan kaedah analisis kesilapan untuk menggolongkan kesilapan pelajar kepada beberapa kategori. Jumlah kesilapan dan peratusan kesilapan setiap kategori akan dikira dan dianalisis.

Melalui analisis kesilapan daripada jawapan ujian, kesilapan pelajar akan dikenal pasti dan cara pemulihan akan dicadangkan. Seterusnya hasil analisis kontrastif dan hasil analisis kesilapan akan dibandingkan.